

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : Y.B. TUAN AWANG BIN HASHIM**  
**[PENDANG]**  
**TARIKH : 03 JULAI 2019 (RABU)**

**SOALAN NO. 167**

**Y.B. TUAN AWANG BIN HASHIM [ PENDANG ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah peruntukan yang telah disalurkan kepada sekolah menengah persendirian Cina dan kolej universiti swasta Cina dari bulan Mei 2018 hingga bulan Mei 2019.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Melalui ucapan Belanjawan 2019, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM652 juta untuk menaiktaraf dan menyelenggara semua kategori sekolah termasuk sekolah persendirian seperti Sekolah Tahfiz sebanyak RM50 juta, Sekolah Pondok sebanyak RM25 juta dan 62 buah Sekolah Menengah Persendirian Cina (SMPC) sebanyak RM12 juta. Di samping itu, sekolah agama rakyat dan sekolah agama persendirian yang berdaftar juga menerima peruntukan sebanyak RM25 juta.

Selain itu, institusi pendidikan tinggi swasta Cina iaitu Han Chiang University College of Communication (HCUCC), New Era University College (NEUC) dan Southern University College menerima peruntukan sebanyak RM2 juta masing-masing. Selain itu, Universiti Islam Malaysia (UIM) di Cyberjaya juga menerima peruntukan sebanyak RM15 juta.

Kriteria penyaluran sumbangan dipertimbangkan kepada institusi pendidikan yang tidak bermotifkan keuntungan. Bagi tujuan pemantauan, pihak penerima peruntukan perlu mengemukakan laporan pelaksanaan program/ projek berdasarkan kelulusan bantuan kewangan yang diberikan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KE DUA,  
PARLIMEN KE EMPATBELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA WILFRED  
MADIUS TANGAU**

**TARIKH : 03 JULAI 2019**

**RUJUKAN : 11744**

**SOALAN NO.**

Minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan melaksanakan setiap rekomendasi dalam Laporan RCI mengenai Pendatang Tanpa Izin di Sabah.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, menyusuli pengumuman hasil dapatan dan juga rekomendasi Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) Mengenai Pendatang Asing di Sabah, Kerajaan telah mengambil inisiatif menubuhkan Jawatankuasa Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS) yang terbahagi kepada dua tier iaitu Jawatankuasa Induk Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS-Induk) dan Jawatankuasa Teknikal Pengurusan Warga Asing di Sabah (JKPWAS-Teknikal). Justeru, Kerajaan melalui JKPWAS fokus dalam menangani isu keberadaan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) di Sabah dengan pelaksanaan usaha-usaha seperti berikut:

1. Menggiatkan tindakan penguatkuasaan serta pengusiran ke atas pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah. Kesungguhan JKPWAS untuk mengatasi isu PATI ini dapat dilihat melalui jumlah pengusiran yang dilaksanakan bermula dari tahun 1990 sehingga 21 Jun 2019 yang berjumlah seramai 584,086 orang;
2. Kedua, kerjasama dengan Kedutaan Filipina bagi memastikan pihaknya mempercepatkan pengeluaran dokumen perjalanan (*Travel Documents-TD*) kepada tahanan yang hendak diusir ke negara asal;
3. Ketiga, JKPWAS melalui Jawatankuasa Kecil Sosial dan Komunikasi Induk juga memainkan peranan dalam menyelaras program kesedaran dan melaksanakan hebahan program serta aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan/Agensi antara lainnya adalah seperti ESSCOM, Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Jabatan Penerangan Negeri Sabah berhubung isu-isu berkaitan pendatang asing tanpa izin (PATI) di Sabah dan memberi penerangan kepada masyarakat bahawa usaha-usaha penguatkuasaan terhadap PATI sentiasa diutamakan; dan

**SOALAN: 168**

4. Keempat, pihak Kerajaan telah memperkenalkan penggunaan terma ‘Rekod Kelahiran’ bagi dokumen pendaftaran kelahiran Bukan Warganegara di Sabah yang telah berkuat kuasa pada 15 September 2015 yang bertujuan untuk membezakan dengan jelas dokumen pendaftaran kelahiran bagi Warganegara dan Bukan Warganegara di Sabah. Oleh itu, terma ‘Sijil Kelahiran’ pada dokumen pendaftaran negeri Sabah hanya akan dikhususkan kepada Warganegara sahaja.